

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANGKUASA RAYUAN)

RAYUAN JENAYAH NO: B - 05 - 20 - 2006

ANTARA

M. ALI BIN OSMAN

... PERAYU

LAWAN

PENDAKWA RAYA
RESPONDEN

...

[Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Shah Alam
Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan

Perbicaraan Jenayah No: 45-187-2005

ANTARA

PENDAKWA RAYA

LAWAN

M. ALI BIN OSMAN]

KORAM

MOHD GHAZALI MOHD YUSOFF, HMR

ZULKEFLI AHMAD MAKINUDIN, HMR
ABDULL HAMID EMBONG, HMR
ALASAN PENGHAKIMAN

1. Ini adalah rayuan terhadap hukuman sahaja.
2. Perayu, seorang warga Indonesia, telah didakwa di Mahkamah Tinggi, Shah Alam bersama tiga tertuduh lain melakukan kesalahan memiliki dadah berbahaya, iaitu, cannabis sejumlah berat 2,618 gram di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (“Akta”) dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama. Perayu telah mengaku salah tetapi tiga tertuduh lain itu telah meminta dibicarakan.
3. Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 18 tahun berkuatkuasa dari tarikh tangkapan dan 10 sebatan ke atas perayu. Perayu tidak berpuas hati dengan hukuman itu dan telah merayu kepada mahkamah ini. Mahkamah ini telah menolak rayuan perayu dan berikutnya adalah alasan-alasan mengapa kami memutuskan demikian.

4. Perayu telah mengakui fakta-fakta kes yang menunjukkan pada 24 April 2004 jam lebih kurang 8.45 malam, ketika perayu berada di tempat kediamannya di Kampung Pinggir, Lembah Jaya Selatan, Ampang, Selangor ia telah menerima panggilan daripada kawanya bernama Toha bin Mohd Yusuf yang memaklumkan bahawa beliau bersama isterinya, Nur Yani binti Rusdi akan datang ke tempat kediamannya. Kemudiannya, Toha bersama isterinya Nur Yani telah tiba di tempat kediaman perayu dengan menaiki motokar jenis Proton Wira nombor pendaftaran WDC 9263 ('motokar tersebut').

5. Berikutnya, tanpa pengetahuan Toha dan isterinya Nur Yani, perayu telah meletakkan cannabis seberat 2,618 gram yang disimpan di dalam sebuah beg kertas ("beg kertas tersebut") di tempat duduk bahagian belakang motokar tersebut dengan tujuan untuk diserahkan kepada seseorang di kawasan perhentian bas stesyen LRT Jalan Ampang, Batu 4½, Ampang Selangor (selepasnya ini dirujuk sebagai "tempat tersebut"). Perayu kemudiannya telah meminta Toha menghantarnya ke tempat tersebut kerana ia hendak berjumpa kawannya. Toha bersetuju

membuat demikian dan semasa perjalan perayu berduduk di bahagian belakang motokar tersebut.

6. Ketika mereka tiba di tempat tersebut satu pasukan polis telah menyerbu motokar tersebut dan menangkap perayu, Toha dan Nur Yani. Seterusnya pihak polis telah menjalankan pemeriksaan dan menjumpai beg kertas tersebut yang mengandungi barang yang mereka mengesyaki adalah cannabis di ruang letak kaki di tempat duduk bahagian belakang motokar tersebut.

7. Perayu, Toha dan Nur Yani serta rampasan telah dibawa ke balai polis dan kemudiannya beg kertas tersebut yang mengandungi barang yang pihak polis mengesyaki adalah cannabis telah dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk penganalisan. Berikutnya Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa barang yang terdapat dalam beg kertas tersebut adalah cannabis seperti ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta dan bahawa jumlah berat bersihnya ialah 2,618 gram.

8. Di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, perayu melalui peguamnya merayu bahawa ia telah mengaku salah. Nota prosiding yang dicatatkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi mengenai rayuannya adalah seperti berikut -

“Rayuan (Mitigation) oleh Peguam:

OKT 3 sekarang berumur 32 tahun dan berasal dari Bandar Aceh, Indonesia. Dia tidak ada sebarang persekolahan formal langsung. Dia telah datang ke Malaysia pada 1/2/04 disebabkan oleh peperangan diantara GAM (Gerakan Aceh Merdeka) dengan tentera Indonesia. Kerana beliau adalah seorang lelaki dan masih muda dia diburu oleh askar Indonesia walaupun tidak terlibat langsung dengan GAM. Sebenarnya beliau pernah mohon perlindungan suaka (asylum) dari UNHCR dibawah auspices UN di pejabatnya Bukit Petaling untuk pertimbangan. Permohonan belum diluluskan apabila ditangkap pada 24/4/04.

Sebenarnya apabila dia datang ke Malaysia dia bekerja sebagai pekerja kontrak di kawasan pembinaan. Malangnya gajinya tidak dibayar oleh majikannya dan dia terpaksa mencari kerja lain untuk terus hidup sehingga dia dipelawa oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk bawa barangan salah tersebut.

OKT 3 telah mengaku salah. Ini telah menjimatkan kos dan masa Mahkamah dan merupakan satu fakta untuk peringanan seperti dikatakan oleh Ketua Hakim Wee Chong Jin - *MELVANI v. PP* (1971) 1 MLJ 137.

OKT telah insaf. Dia pohon diberi satu peluang untuk memperbaiki diri.

Dia ada seorang ibu yang berumur lebih dari 50 tahun, 3 orang adik kecil berumur masing-masing 10, 6 dan 5 tahun.

Dia pohon supaya dapat cepat dibebaskan oleh kerana situasi di Indonesia telah berubah dan malangnya ayahnya telah meninggal dunia semasa Tsunami 2004.

Ini adalah kesalahan pertama OKT di Malaysia.

PP v PUTEH NORDIN & ANOR
(1983) 2 MLJ 292.

PP v MOHAMED ISMAIL
(1984) 1 MLJ 134.”

9. Nota prosiding Hakim Mahkamah Tinggi seterusnya menunjukkan perayu sendiri telah merayu seperti berikut -

“OKT 3:

Saya orang miskin. Saya yang bertanggungjawab bagi keluarga saya. Ayah sudah meninggal dunia dan ibu sudah tua.

Saya minta satu hukuman seringan-ringannya. Pohon 3 orang lagi bersama saya di Mahkamah dilepaskan.”

10. Hakim Mahkamah Tinggi berpendapat rayuan seperti disalin semula di atas tidak membawa kesan baginya memandangkan perayu tiba di Malaysia pada 1 April 2004 dan melakukan kesalahan pemilikan dadah ini pada 24 April 2004. Ia juga mendapati kuantiti dadah berbahaya yang terdapat dalam milikan perayu semasa tangkapan adalah besar. Ia menyatakan apa-apa hukuman yang hendak dijatuhkan mesti mencerminkan seriusnya kesalahan berkenaan yang dilakukan oleh perayu dari segi kepentingan awam.

11. Hakim Mahkamah Tinggi telah membut rujukan kepada kes *Yusmarin bin Samsudin v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 625, suatu keputusan mahkamah ini di mana

bagi kesalahan di bawah seksyen 39A(2)(f) Akta yang melibatkan 2,863.1 gram cannabis, mahkamah telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 18 tahun dan 12 sebatan.

12. Di peringkat rayuan di hadapan mahkamah ini, perayu, yang tidak diwakili, telah merayu agar mahkamah dapat mengurangkan hukuman yang telah dijatuhkan ke atasnya kerana ia telah insaf dan menyesal dan ingin pulang ke negara asalnya.

13. Mahkamah ini mendapat hukuman yang telah dijatuhkan di dalam kes ini adalah tepat dan berpatutan selepas mengambil kira fakta-fakta dan latar belakang perayu. Seksyen 39A(2) Akta memperuntukkan bagi kesalahan ini seorang tertuduh yang didapati bersalah hendaklah disiksa dengan pemenjaraan seumur hidup atau bagi satu tempoh pemenjaraan yang mana hendaklah tidak kurang daripada 5 tahun dan hendaklah dikenakan sebat tidak kurang daripada 10 sebatan. Kami berpendapat kesalahan yang dilakukan oleh perayu ini jatuh di bawah golongan kesalahan yang serius dan mahkamah perlu

mengambil kira kepentingan awam apabila menjatuhkan hukuman bagi mencegah mereka yang terlibat di dalam jenayah seperti ini. Seperti telah dikatakan oleh NH Chan, H (pada masa itu) di dalam kes *Public Prosecutor v Leo Say & 2 Ors* [1985] 2 CLJ 155 di muka surat 161 :

“I would be failing in my duty if I do not pass sentences which make it absolutely plain that those who indulge in such conduct do receive sentences of the utmost severity. The sentences should act as a warning to others not to take part in similar offences. Such conduct should not only be held in utter abhorrence by all ordinary men and women, but should receive when brought to justice, the most severe possible punishment.”

14. Mahkamah ini juga berpendapat hukuman pemenjaraan selama 18 tahun dan 10 sebatan yang dijatuhkan ke atas perayu tidak berlawanan dengan mana-mana prinsip undang-undang mengenai hukuman. Sebelum menjatuhkan hukuman Hakim Mahkamah Tinggi telah memberi pertimbangan kepada beberapa faktor termasuk fakta bahawa perayu telah mengaku salah dan fakta bahawa perayu telah tiba di negara ini pada 1 April 2004 dan melakukan kesalahan ini setelah hanya berada di

negara ini selama 23 hari.

15. Perayu dalam rayuannya sebelum hukuman dijatuhkan di Mahkamah Tinggi memberi beberapa versi termasuk yang berikut -

(i) ia datang ke Malaysia dengan tujuan untuk mencari tempat perlindungan bagi mengelakkan diburu oleh tentera Indonesia akibat peperangan di antara “GAM” dan tentera Indonesia dan pernah mohon perlindungan dari “UNHCR di bawah auspices UN”;

(ii) sebenarnya apabila ia datang ke Malaysia ia bekerja sebagai pekerja kontrak di kawasan pembinaan; oleh kerana gajinya tidak dibayar oleh majikannya, ia terpaksa mencari kerja lain untuk terus hidup sehingga ia dipelawa oleh orang-orang yang bertanggungjawab untuk bawa dadah tersebut; berikutnya ia mohon supaya cepat dibebaskan oleh kerana situasi di Indonesia telah berubah.

16. Di hadapan mahkamah ini, perayu merayu agar ia dapat hukuman yang lebih ringan kerana ia telah insaf dan

ingin pulang ke negara asalnya. Rayuan seperti ini pernah dikekemukakan oleh seorang pesalah dalam kes *DR Garner v Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 106 dan hakim perbicaraan kes itu, Chang Min Tat, H (pada masa itu) telah menyatakan (di ms 107) seperti berikut :

“I must deplore any idea that a stranger can come to our shores and break our laws with impunity and hope to get away with his crimes in the expectation that he would be deported. The accused will be deported, in due course but only after he has served a proper sentence.”

17. Kesimpulannya mahkamah ini berpendapat perayu perlu dipenjarakan selama tempoh 18 tahun supaya ia di beri masa secukupnya bagi pemulihan sebelum ia kembali ke masyarakat. Di samping itu sebatan sebanyak 10 kali adalah yang paling minima yang diperuntukkan di bawah Akta bagi kesalahan sedemikian.

18. Mengenai kuasa mahkamah dalam menentukan hukuman bagi sesuatu kesalahan, Brown, Ag CJ di dalam kes *Abdul Karim v R* [1954] 20 MLJ 86 menyaran seperti berikut :

“In the matter of punishment, the “type of offence” is the concern of the Legislature, which has provided the maximum punishment which can be inflicted for a serious offence of that type. The particular offence, and the particular offender, are the concern of the Court, whose business it is to decide what punishment is merited upon the facts of the individual case within the limits which the Legislature has provided. Any tendency to standardise punishment for any type of offence is to be deplored because it means that the individual offender is being punished not upon the facts of his particular case but because he has committed an offence of that type.”

19. Dalam menentukan apakah hukuman terbaik bagi memastikan kepentingan awam di penuhi, Hilbery J dalam kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 (di ms 165) berpendapat seperti berikut :

“In deciding the appropriate sentence a Court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the

offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter a particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal way to honest living. Our law does not, therefore fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the Court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the Court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.”

20. Mahkamah ini telah meneliti secara terperinci alasan penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi dan kesimpulannya mendapat hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu adalah tepat dengan fakta-fakta dan keadaan kes. Oleh itu mahkamah ini dengan sebulat suara menolak rayuan perayu.

(MOHD GHAZALI BIN MOHD YUSOFF)
Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia

Bertarikh pada 7 Ogos 2007

Peguam

Bagi pihak Perayu : Perayu mewakili diri sendiri

Bagi pihak Responden: Wong Chiang Kiat - Timbalan Pendakwa
Raya

Jabatan Peguam Negara